

# 89 pelajar B40

## UMS terima

### bantuan kebajikan

DE 9.9.16 3

KOTA KINABALU: Seramai 89 pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) sesi 2016/2017 menerima bantuan kebajikan bagi kategori ibu bapa B40 atau di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, bantuan itu ditawarkan menerusi program Merubah Idea Menjadi Realiti (Meniti) di UMS sebagai usaha menjaga kebajikan pelajar-pelajar yang memerlukan.

“Pelajar-pelajar ini ialah mereka yang tinggal di pedalaman. (Pendapatan) Keluarga di bawah PGK semasa iaitu sebanyak RM1,170 di negeri ini,” katanya ketika berucap pada majlis Penyerahan Bantuan Kebajikan Pelajar oleh Penaung Yayasan Nur Jauhar, Toh Puan Norlidah RM Jasni.

Menurut Mohd Harun, pemberian bantuan berkenaan membuktikan bahawa UMS komited dalam memastikan kebajikan pelajar kurang berkemampuan atau memerlukan di universiti itu sentiasa terjamin.

Beliau berharap bantuan itu dapat menampung perbelanjaan harian pelajar sementara menunggu pinjaman atau biasiswa pengajian.

Sementara itu, Mohd Harun mengingatkan pelajar agar tidak menjadikan faktor kemiskinan sebagai penghalang untuk mereka melanjutkan pelajaran ke menara gading.

“Pelajar perlu jadikan peluang meneruskan pengajian sebagai satu landasan untuk memperbaiki taraf hidup mereka,” katanya. – Bernama